



MITSUBISHI OUTLANDER

info

MITSUBISHI OUTLANDER

- > **Enjin:** DOHC Mivec 2.4 liter
- > **Kuasa Maksimum:** 123 kW @ 6,000 rpm
- > **Kuasa Kilas:** 222Nm @ 4,100 rpm
- > **Sistem Bahan Api:** Suntikan Dikawal Secara Elektronik
- > **Sistem Pemanduan:** Pacuan 4 Roda (4WD) sepenuhnya
- > **Harga:** RM171,644.80 (termasuk GST)



DARI sudut belakang Mitsubishi Outlander menyerlahkan ciri maskulin.

Outlander perkasakan legasi SUV Mitsubishi

Oleh JOHARDY IBRAHIM
ekonomi@utusan.com.my

MEMENUHI permintaan yang semakin tinggi dalam segmen SUV, Mitsubishi Motors Malaysia (MMM) memperkenalkan SUV 7-kerusi serba baharu yang dipenuhi dengan ciri-ciri premium dan keselamatan kepada media Malaysia, Mitsubishi Outlander.

Generasi terbaharu Outlander memenuhi kehendak prestasi tinggi SUV yang rugged, termasuk kuasa pemecutan dan pengendalian jalan yang responsif. Ditawarkan pada harga berdaya saing dan dengan ruang kabin yang luas, tempat duduk selesa untuk tujuh penumpang, Outlander SUV serba baharu merupakan SUV yang sempurna untuk keluarga di Malaysia.

Sempena pelancaran jualan minggu lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Mitsubishi Motors Malaysia, Yang Won-Chul mengumumkan harga pengenalan atas jalan eksklusif untuk Outlander (tanpa GST) iaitu RM166,720 di Semenanjung dan RM168,488 di Sabah dan Sarawak, bagi kenderaan yang ditempah dan didaftarkan sebelum 31 Mei 2016.

Hanya terdapat dalam varian 4WD, kenderaan diimport sepenuhnya (CBU) dari Jepun ini diperkasa oleh enjin 2.4 liter Mitsubishi Innovative Valve timing

PERMOTORAN



BUTANG 4WD boleh dihidupkan untuk pemanduan offroad.



BUMBUNG Outlander boleh dibuka.

Electronic Control (MIVEC) yang memberikan kuasa maksimum 167 PS pada 6,000 rpm dan kuasa kilas maksimum 222Nm pada 4,100 rpm.

Outlander SUV ini ditawarkan dalam tiga warna - Merah (Red Metallic), Putih (White Pearl) dan Kelabu (Grey Metallic).

Outlander SUV memiliki ciri-ciri premium seperti Bumbung

Boleh Dibuka (Sunroof), Lampu Belakang Elektrik, Lampu Hadapan LED bersama Lampu Pasang Sian (DRL) dan tambah menarik dengan Rim Roda Aloji Dua-Ton 18" bagi melengkapkan rupa bergayanya.

Untuk ruang kabin pula, Outlander SUV memiliki tujuh kerusi versatil disarung Kulit dan Lampu Automatik dan Pengesan Hujan.

Sasaran jualan yang ditetapkan oleh MMM bagi Outlander SUV ialah 100 unit sebulan. Sejak dibuka untuk tempahan kira-kira sebulan yang lalu, MMM telah menerima lebih 20 tempahan.

Ciri-ciri Keselamatan

Seperti model-model lain Mitsubishi, prestasi tinggi keselamatan adalah keutamaan besar. Ciri-ciri keselamatan standard terdapat pada Outlander SUV merangkumi 7 beg udara, Kawalan Aktif Kestabilan dan Terjahan (ASTC), Bantuan Multi Bukit (HSA), Sistem Pembrekat Anti-Kekunci (ABS) dengan Edaran Kuasa Brek Elektronik (EBD), Bantuan Brek, Evolusi Keselamatan Impak Diperteguhkan (badan RISE) dan batang Kemudi Roda boleh diubah.

Sistem 4WD

Untuk prestasi, kenderaan ini memiliki sistem pelbagai pilihan 4WD yang menawarkan tiga mod berbeza iaitu 4WD ECO, 4WD Auto dan 4WD Lock.

Mod 4WD ECO menekankan pert-

jimatan bahan api yang mana kuasa kilas diedarkan ke roda hadapan semasa pemanduan biasa dan secara automatik mengagihkannya ke semua roda untuk terjahan dan kestabilan yang lebih baik semasa melalui permukaan jalan yang licin. Ini membolehkan Outlander SUV menjadi satu daripada kenderaan terbaik dalam kelasnya dengan kecekapan bahan api 12.8km/l*. (*Berdasarkan data pemanduan dalam Mitsubishi Motors Malaysia)

4WD Auto secara automatik mengedarkan bilangan tepat kuasa kilas ke semua roda bagi memberikan prestasi mengambil selekoh dengan lebih lancar dan mengekalkan kestabilan kelajuan tinggi manakala 4WD Lock secara berterusan memberikan kuasa kilas ke semua roda semasa memanjat bukit, jalan berlumpur atau jalan yang sukar sama sekali.

Ciri-ciri terbaik dalam kelasnya pada Outlander SUV termasuk ruang kargo yang luas yang boleh memuatkan sehingga 4 beg gold (1,608-liter) dan jarak memusing 5.3 meter.

Konsep reka bentuk

Outlander SUV juga didatangkan dengan rupa hadapan 'Dynamic Shield', suatu konsep di mana rupa wajah dinamik melahirkan prestasi berkuasa dan jaminan rasa perlindungan yang dikongsi oleh banyak generasi kenderaan Mitsubishi.



PANEL pemuka Outlander yang ergonomik.

TERDAPAT ruang dalam kerusi untuk mengisi barang kecil.



KERUSI baris kedua dan ketiga boleh dilipat rata bagi memberi ruang kargo luas.